



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


6 DISEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 271 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 235,417 kes. Sebanyak tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Pitas satu (1) kes di Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 445 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 225,609 orang. Manakala 1,326 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 635 orang di hospital, 666 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 23 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 63 orang merangkumi 57 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 45 (26.79%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kes harian COVID-19 di negeri Sabah terus menurun dan hari ini jumlahnya ialah 271 kes. Jumlah ini adalah 23 kes lebih rendah daripada jumlah kelmarin.
- b. Kota Kinabalu merekodkan penurunan 22 kes hari ini berbanding jumlah kelmarin dan sekali gus turun ke tangga kedua sebagai penyumbang terbanyak kes-kes baharu di Sabah. Jumlah kes terbaru di Tuaran (43) kes adalah yang tertinggi di Sabah hari ini dengan pertambahan 10 kes berbanding sebelumnya. Putatan menambah 15 kes baharu dan melonjak naik ke tempat ketiga tertinggi jumlah kes harian. Ranau terkeluar daripada kumpulan “Empat Serangkai” dengan mencatat hanya 8 kes baharu berbanding 28 kes kelmarin.
- c. Secara keseluruhan, jumlah kes baharu di kebanyakan daerah di Sabah menampakkan penstabilan. Sebanyak 23 daripada 27 daerah di Sabah merekodkan jumlah kes baharu di bawah paras 20 kes, 17 kes daripadanya mencatat kes satu (1) angka sahaja dan tidak ada kes baharu di enam (6) daerah.
- d. Sebanyak 263 daripada 271 kes (97%) hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, empat (4) orang dalam Kategori 3, seorang dalam Kategori 4 dan tidak ada pesakit dalam Kategori 5 hari ini. Sebanyak tiga (3) kes lagi masih dalam siasatan dan penilaian lanjut JKNS.
- e. Seperti yang telah diumumkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, kadar kebolehjangkitan COVID-19 atau R₀/RT pada jangkaan mengikut kes harian kelmarin 5 Disember 2021 bagi seluruh negara ialah 0.98, bagi negeri Sabah, 0.93.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (119) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	116	42.80%
3	Kontak	119	43.91%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	36	13.28%
JUMLAH		271	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (5 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 05/12/2021	Catatan Kes 06/12/2021	Perbandingan
1	Putatan	18	33	+15
2	Tuaran	33	43	+10
3	Kota Belud	13	23	+10
4	Tambunan	3	11	+8
5	Kudat	3	9	+6
6	Tawau	5	10	+5
7	Sipitang	3	6	+3
8	Penampang	18	19	+1
9	Papar	14	15	+1
10	Beluran	2	2	Mendatar
11	Telupid	1	1	Mendatar
12	Nabawan	0	0	Mendatar
13	Kota Kinabalu	60	38	-22
14	Ranau	28	8	-20
15	Sandakan	13	1	-12
16	Kuala Penyu	9	3	-6
17	Keningau	18	14	-4
18	Kota Marudu	10	7	-3
19	Pitas	7	4	-3
20	Lahad Datu	3	1	-2
21	Kunak	2	0	-2
22	Tongod	2	0	-2
23	Semporna	2	0	-2
24	Beaufort	18	17	-1
25	Tenom	7	6	-1
26	Kalabakan	1	0	-1
27	Kinabatangan	1	0	-1
JUMLAH		294	271	-23

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (22 November – 05 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Tuaran	0	26	12	0	5	43	675
Kota Kinabalu	0	11	19	0	8	38	961
Putatan	0	22	11	0	0	33	227
Kota Belud	0	11	12	0	0	23	444
Penampang	0	10	8	0	1	19	430
Beaufort	0	10	5	0	2	17	319
Papar	0	3	12	0	0	15	354
Keningau	0	4	10	0	0	14	231
Tambunan	0	5	5	0	1	11	98
Tawau	0	2	1	0	7	10	80
Kudat	0	3	5	0	1	9	163
Ranau	0	0	5	0	3	8	362
Kota Marudu	0	0	2	0	5	7	284
Tenom	0	3	3	0	0	6	180
Sipitang	0	3	2	0	1	6	123
Pitas	0	2	0	0	2	4	76
Kuala Penyu	0	1	2	0	0	3	178
Beluran	0	1	1	0	0	2	84
Sandakan	0	1	0	0	0	1	110
Lahad Datu	0	0	1	0	0	1	72
Telupid	0	1	0	0	0	1	59
Tongod	0	0	0	0	0	0	47
Semporna	0	0	0	0	0	0	8
Kunak	0	0	0	0	0	0	2
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	203
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	8
Nabawan	0	0	0	0	0	0	10
JUMLAH	0	119	116	0	36	271	5,788

- 6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 4,761 unit
- Hospital 1,344 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,927 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 27.85%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 06 DISEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	262
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	6
Jumlah	271

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Pakistan	1
Jumlah	1

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	2
Jumlah	2

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	261
Bukan Malaysia	10
Jumlah	271

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	46
Belum Menerima Vaksin	30
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	195
Jumlah	271

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	19
6 to 11	24
12 to 17	14
18 to 25	40
26 to 59	139
>60	32
Jumlah	271

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 05 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 1,920 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,789 orang adalah penduduk dewasa dan 131 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 05 Disember 2021 adalah seramai 2,442,189 orang. Ini meliputi 2,107,568 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.41% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,393,509 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,084,910 orang atau 75.58% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 334,621 orang atau 77.10% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 308,599 atau 71.11% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,594** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,670 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 42 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak lima (5) kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
 - Lima (5) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 122 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 45 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,047 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu satu (1) di Keningau dan satu (1) di Kinabatangan.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 261 premis perniagaan dan 302 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 248 Premis Perniagaan melibatkan 143 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 60 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 225 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tawau	98.7%
2	Tuaran	98.7%
3	Kota Kinabalu	98.7%
4	Keningau	98.7%
5	Sandakan	98.6%
6	Kunak	98.6%
7	Kinabatangan	98.6%
8	Semporna	98.6%
9	Papar	98.6%
10	Kota Marudu	98.6%
11	Beaufort	98.6%
12	Lahad Datu	98.6%
13	Kota Belud	98.6%
14	Beluran	98.5%
15	Sipitang	98.5%
16	Penampang	98.5%
17	Tenom	98.5%
18	Kudat	98.5%
19	Ranau	98.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II